

08 JAN 2001

Syed Razak-Umno

SYED RAZAK SEDIA TERIMA JAWATAN KETUA UMNO BAHAGIAN KUALA KEDAH

ALOR SETAR, 8 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain bersedia menerima jawatan Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah, jika jawatan itu diserahkan kepada beliau dalam semangat kekeluargaan.

"Saya tidak ada niat untuk bertanding jawatan itu menentang Ketua Bahagian yang ada sekarang jika dia masih berminat untuk terus mengekalkan jawatannya," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan jawatankuasa perhubungan Umno negeri di sini, malam tadi.

Syed Razak berkata demikian ketika ditanya mengenai cakap-cakap bahawa beliau akan menentang Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah Datuk Zakaria Said dalam pemilihan bahagian Mac ini.

Syed Razak yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Negeri, adalah Timbalan Ketua Umno Bahagian itu sejak 1993 yang dimenangnya tanpa bertanding.

Katanya beliau tidak akan mengambilkira sebarang pencalonan daripada mana-mana cawangan di Kuala Kedah yang mahukan beliau bertanding menentang Zakaria.

"Jika dia secara rela melepaskan jawatan itu dan menyerahkan kepada saya, itu tidak apa, saya akan terima," katanya lagi.

Syed Razak juga belum membuat keputusan untuk bertanding jawatan itu, andai Zakaria ingin menarik diri daripada bertanding jawatan Ketua Bahagian tanpa menyerahkan jawatan itu sesiapa.

"Tengoklah... nanti jika ada orang lain yang nak bertanding jawatan itu, tetapi yang pasti saya tidak akan menentang Datuk Zakaria," katanya.

Bagi bahagian-bahagian lain di negeri ini, beliau tidak menghalang pertandingan tetapi menjangkakan ia tidaklah terlalu sengit kerana belum menerima sebarang laporan mengenainya.

Mulai sekarang, Syed Razak berkata beliau akan turun ke setiap 15 bahagian di negeri ini bagi bertemu dan berbincang dengan jawatankuasa bahagian masing-masing mengenai pemilihan akan datang.

Pada mesyuarat malam tadi, semua Ketua Umno Bahagian hadir kecuali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Kubang Pasu), Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman (Sik), Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Kulim/Bandar Bahru) dan Datuk Bakar Taib (Langkawi) yang menghantar wakil masing-masing.

-- BERNAMA

MAN MNH LAT